

**TEKS UCAPAN**  
**YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM**  
**NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS ANUGERAH TOKOH SISWA 2015**  
**PADA HARI SABTU, 23 APRIL 2016; PUKUL 8:00 MALAM**  
**DI DEWAN KOMPLEKS SUKAN UNIVERSITI, UMP KAMPUS GAMBANG**

---

**SALUTASI**

Saudara pengacara majlis;

Yang Berhormat Dato' Seri Idris Jusoh,

Menteri Pendidikan Tinggi;

Yang Berhormat Dato' Mary Yap,

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi;

Yang Berbahagia Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang,

Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Tinggi;

Yang Berbahagia Datuk Nik Ali Mat Yunus,

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan);

Encik Hasnol Zamzam Ahmad,

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan);

Yang Berbahagia Dato' Profesor Asma Ismail,  
Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi;

Yang Berbahagia Dato' Haji Mohlis Jaafar,  
Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik;

Yang Berbahagia Dato' Amir Mohd Noor,  
Ketua Pengarah Pendidikan Kolej Komuniti;

Naib-Naib Canselor Universiti-universiti Awam;

Ketua-ketua Eksekutif Institusi Pendidikan Tinggi Swasta;

Timbalan-timbalan Naib Canselor;

Para pemimpin mahasiswa;

Seterusnya para tetamu yang dikasihi.

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,*  
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

## **KATA PEMBUKA**

1. *Alhamdulillah*, sukalah saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta’ala kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka saya dapat bersama dengan tuan-tuan dan puan-puan bagi memeriahkan lagi majlis pada malam ini.
2. Terlebih dahulu, bagi pihak pengurusan dan seluruh warga Universiti Malaysia Pahang, saya ingin mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan tetamu kehormat kita, Yang Berhormat Dato’ Seri Idris Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi atas kunjungan beliau ke UMP Kampus Gambang sempena Majlis Anugerah Tokoh Siswa 2015 pada malam ini.
3. Sesungguhnya, UMP amat berterima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan Tinggi atas kepercayaan yang telah diberikan kepada kami sebagai tuan rumah Majlis Anugerah Tokoh Siswa edisi ketiga ini. Dengan mandat dan kepercayaan tersebut, pihak pengurusan UMP telah berusaha sedaya-upaya untuk memastikan pengelolaan Majlis Anugerah Tokoh Siswa 2015 ini berjalan lancar demi keselesaan para tetamu dan kesempurnaan atur caranya.

4. Pada hemat saya, mandat dan kepercayaan tersebut turut membuktikan harapan besar pihak KPT kepada kami untuk sentiasa bergerak serentak sederap, senada seirama dengan aspirasi kementerian dan kerajaan membangunkan potensi mahasiswa kita selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2013-2025.

### **UMP DAN PENGUPAYAAN MAHASISWA**

5. Yang Berhormat Dato' Seri, tuan-tuan dan puan-puan,

Dalam hubungan tersebut, pelbagai usaha telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh pihak pengurusan UMP untuk memastikan agenda kementerian dan aspirasi kerajaan tersebut diakar-umbikan secara berkesan dan menyeluruh dalam kalangan komuniti mahasiswa di Universiti ini.

6. Justeru, pelaksanaan acara berprestij seperti Majlis Anugerah Tokoh Siswa di kampus ini merupakan sebahagian daripada suntikan dan ransangan yang berkesan kepada para mahasiswa untuk menggilap bakat dan menyerlahkan potensi mereka dalam pelbagai lapangan yang konstruktif, positif dan menambah nilai untuk dicontohi oleh rakan sebaya mereka.
7. Bagi maksud tersebut, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni UMP dan Majlis Perwakilan Pelajar telah diberikan ruang dan parameter yang khusus dalam kerangka Pelan Strategik UMP 2016-2020 untuk melaksanakan pelbagai inisiatif, projek dan aktiviti bina upaya mahasiswa dalam pelbagai lapangan, selaras dengan aspirasi UMP untuk menjadi sebuah universiti teknologi terunggul menjelang tahun 2020.
8. Oleh yang demikian, tumpuan strategik diberikan kepada pengupayaan mahasiswa melalui aktiviti berteraskan kreativiti dan inovasi dengan manfaat sosioekonomi sejajar dengan *tagline* ‘Memasyaratkan Teknologi’ yang mendasari pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020.

9. Dengan itu, keupayaan bakat, pengetahuan, kemahiran dan kepakaran Universiti ini dalam penyelidikan pelbagai lapangan kejuruteraan, sains dan teknologi dapat dioptimumkan penggunaannya melalui penganjuran projek-projek yang menambah nilai kepada masyarakat setempat dan sejagat, selaras dengan komitmen sosial UMP sebagai sebuah ‘Universiti Komuniti’.
  
10. Dalam konteks tersebut, saya dan pihak pengurusan menaruh keyakinan dan kepercayaan tinggi bahawa inisiatif, projek dan aktiviti sedemikian berupaya memperkaya pengalaman kampus para mahasiswa untuk melihat kepentingan peranan dan sumbangannya di luar batas akademik yang tradisional. Sebaliknya, pengalaman yang diperolehi melalui gerak kerja kemahasiswaan adalah juga sebahagian daripada proses pembelajaran sebagaimana yang diaspirasikan pihak KPT melalui pelaksanaan sistem iCGPA.
  
11. Adalah menjadi tekad saya dan pihak pengurusan UMP untuk melihat komuniti mahasiswa di Universiti ini sentiasa memperoleh manfaat yang berterusan hasil hubungan yang mesra dan harmoni antara UMP dan pihak KPT serta kerajaan.

12. Dengan persekitaran yang kondusif dan sejahtera untuk para mahasiswa, baik di UMP Pekan dan UMP Kampus Gambang ini, pihak pengurusan sentiasa berusaha memastikan bahawa gerak kerja kemahasiswaan direncana dengan mengutamakan aspek pengisian (*substance*) berbanding bentuk (*form*) untuk menentukan pelaburan peruntukan kerajaan dan wang pembayar cukai yang diterima Universiti ini dikembalikan semula nilainya kepada masyarakat tanpa disia-siakan.
  
13. Justeru, adalah menjadi harapan saya dan pihak pengurusan agar pihak KPT dapat terus memberikan sokongan kepada kami dan para mahasiswa Universiti ini dalam merangka dan melaksanakan pelbagai lagi inisiatif yang dapat meningkatkan daya saing dan kebolehpasaran mereka sebagai bakal graduan yang mampu pula menyumbang kepada pembangunan tanah air pada masa akan datang.

## **KATA PENUTUP**

14. Yang Berhormat Dato' Seri, tuan-tuan dan puan-puan,

Bersempena penganjuran Majlis Anugerah Tokoh Siswa 2015 ini, saya ingin mengambil peluang untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak dan personel, termasuklah Pusat-pusat Tanggungjawab di UMP dan juga Bahagian-bahagian di KPT yang telah berganding bahu dengan daya sinergi yang tinggi bagi merealisasikan pelaksanaan acara yang berprestij ini.

15. Kepada para finalis dan pemenang pelbagai kategori anugerah bagi edisi kali ini, syabas dan tahniah diucapkan. Semoga pencapaian cemerlang anda akan menginspirasikan lebih banyak lagi kisah kejayaan yang terbilang dari kalangan para mahasiswa seluruh Malaysia pada masa akan datang.

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah,*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*